

Pak Lah Rasmi 'Kelab Veteran UMNO Malaysia' 26 Mei 2006

Oleh: Kapten (B) HJ. MOHAMAD YEOP SALEH

MESYUARAT Jawatankuasa Penaja Veteran UMNO Malaysia telah berlangsung pada 10 April lalu di Bangunan UMNO Kuala Lumpur di kala mana di antara lain telah membincangkan perkara penyelarasan pelaksanaan penubuhan 'Kelab Veteran UMNO Malaysia' yang telah ditetapkan perasmiannya di Ipoh, Perak pada 26 dan 27 Mei '06 akan datang.

Pengerusi Penaja Dato' Haji Tajudin Bin Ali telah melahirkan perasaan sukacitanya yang amat sangat seraya merakamkan penghargaan tinggi dan ucapan terima kasih kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ahli-ahli Kelab Tertinggi UMNO Malaysia yang telah meluluskan penubuhan Kelab Veteran UMNO Malaysia.

Justeru itu, beliau telah menyakinkan kepada semua ahli-ahli Veteran UMNO diseluruh negara bahawa spekulasi perasaan terpinggir atau diketepikan tidak akan timbul lagi di kalangan ahli-ahli kerana Kelab Veteran UMNO Malaysia akan sentiasa memberi perhatian berat dan penuh bertanggungjawab di masa-masa akan datang supaya pandangan dan pendapat mereka dalam permasalahan orang Melayu dan negara di beri keutamaan.

Disamping itu juga, jawatankuasa Penaja telah bertungkus-lumus dengan menumpukan masa dan tenaga kepada penajanya dengan mengadakan mesyuarat peringkat pusat sebanyak 14 kali di ibu pejabat UMNO, Kuala Lumpur. Ekoran dari usaha-usaha gigih itu Kelab Veteran Umno Malaysia telah dapat menyediakan Draf mengikut peraturan kelab dan seterusnya memanjangkan ke Kelab Tertinggi untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan. Maka dengan usaha ini semoga dapat menyelesaikan pelbagai kontroversi dan tanggapan negatif terhadap penubuhan Kelab Veteran UMNO Malaysia tidak berbangkit lagi.


Draf peraturan berkenaan ia menitik beratkan kepada beberapa aspek, khususnya membuka ruang kepada ahli-ahli Veteran UMNO seluruh negara yang berusia 60-an ke atas. Kedua,

WAKIL-WAKIL Veteran UMNO negeri sedang khusyuk mendengar taklimat daripada Pengerusi Kelab Veteran UMNO Malaysia Datuk Tajuddin Ali dalam mesyuaratnya yang berlangsung baru-baru ini.

keahlian dalam UMNO mestilah melebihi 10 tahun. Syarat ke tiga, ialah ahli veteran tidak memegang sebarang jawatan dalam rmana-mana pihak pertubuhan parti.

Namun demikian, Kelab Veteran UMNO Malaysia akan berperanan sebagai badan penyokong kuat kepada parti induk, memperkukuhkan semangat berpolitik, memantau pergerakan daripada gejala yang tidak sihat yang boleh mencemarkan nama baik dan imej parti serta memberi bimbingan kepada belia generasi muda yang akan menjadi bakal pemimpin parti, menjana UMNO sebagai komponen terunggul memerintah negara ke arah lebih 'CEMERLANG, GEMILANG dan TERBILANG'.

Pada mesyuarat-mesyuarat yang lalu ia telah dihadiri oleh



wakil-wakil Veteran UMNO dari negeri-negeri Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Perlis dan Wilayah.

Di mesyuarat yang diadakan pada 10 April lalu ia telah membincangkan khusus kepada agenda pelancaran Kelab Veteran UMNO Malaysia yang akan dirasmikan oleh Presiden UMNO pada 26 Mei, manakala Perhimpunan Agung Kelab Veteran UMNO yang pertama akan berlangsung pada hari berikutnya iaitu 27 Mei, 06.